



GANJARAN VAKSIN BERSAMA NESTLÉ SOALAN LAZIM

S1: Apakah itu GANJARAN VAKSIN BERSAMA NESTLÉ?

J: Kempen ini adalah inisiatif NESTLÉ untuk memberi ganjaran kepada penduduk Malaysia yang telah mendaftar untuk Vaksinasi melalui Aplikasi MySejahtera oleh itu, **TIADA PEMBELIAN diperlukan untuk menyertai kempen ini.**


Kempen ini bermula jam 00:00:00 pada **15/07/2021** dan tamat jam 23:59:59 pada **22/09/2021**.

Untuk mengambil bahagian dan berpeluang memenangi hadiah, anda **MESTI:** Mendaftar atau telah mendaftar terlebih dahulu untuk menerima vaksinasi dengan Program Vaksinasi Covid-19 Nasional dan pendaftaran anda mesti ditunjukkan pada Halaman Vaksinasi Aplikasi MySejahtera anda [**Sila lihat contoh Gambar1**].

Anda juga boleh mengambil bahagian jika anda telah menerima vaksinasi pertama atau kedua seperti yang tertera di Halaman Vaksinasi anda.

Bukti Halaman Vaksinasi

Gambar1



S2: Bagaimana untuk menyertainya?

J: **Langkah 1:** Imbas Kod QR yang tertera di risalah atau kunjungi Laman Web Kempen di: <https://www.dearnestle.com.my/ganjaran-vaksin-nestle>

Langkah 2: Lengkapkan butiran wajib yang diperlukan dalam Borang Web yang disediakan di Laman Web Kempen.

Borang Penyertaan

First Name / Nama Pertama* *Please provide name as per IC / Sila berikan nama seperti dalam KP Baru	Last Name / Nama Keluarga* *Please provide name as per IC / Sila berikan nama seperti dalam KP Baru
<input type="text"/>	<input type="text"/>
NRIC / No. KP* eg. 881231001111	Email / Emel* *Please provide a valid e-mail for prize management / Sila berikan e-mel yang sah untuk pengurusan hadiah
<input type="text"/>	<input type="text"/>
Mobile Number / No. Telefon* *Please provide a <u>WhatsApp</u> enabled mobile number / Sila berikan nombor telefon bimbit yang mempunyai kemudahan <u>WhatsApp</u> .	State / Negeri* *Please provide state for prize management / Sila nyatakan negeri untuk pengurusan hadiah
+60 <input type="text"/> eg. 120005555	Select state / Pilih negeri <input type="text"/>


Langkah 3: Buat tangkapan skrin atau tangkap satu [1] gambar/imej dalam format JPEG yang jelas dan boleh dibaca dari Halaman Vaksinasi anda yang lengkap dengan Nama, No. Kad Pengenalan, tarikh didaftarkan dan tanda 'tick' hijau. Satu [1] Imej JPEG mesti mengandungi satu [1] gambar Halaman Vaksinasi sahaja.

Langkah 4: Muat naik Imej di Borang Web dan hantar.

HARAP MAKLUM:

1. Penganjur TIDAK AKAN memproses maklumat lain selain dari Halaman Vaksinasi. **Pastikan anda menyunting, membuang atau mengosongkan semua maklumat lain selain maklumat yang diperlukan seperti yang dikenal pasti dalam klausa sebelumnya. [Sila lihat contoh Gambar2]**

Gambar2



2. **Setiap Halaman Vaksinasi HANYA layak untuk satu [1] penghantaran Penyertaan sahaja.** Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Imej JPEG dengan Halaman Vaksinasi yang berulang dan/atau tiada Halaman Vaksinasi yang dimuat naik.

3. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan yang tidak lengkap, berlainan dan/atau dengan berbilang Butiran Peribadi dan/atau Imej yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan.
4. Penganjur berhak untuk meminta bukti Halaman Vaksinasi untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.

S3: Mengapa saya tidak boleh muat naik Imej Halaman Vaksinasi dari phone saya?

J: Sekiranya anda menghadapi masalah untuk memuat naik imej anda, pastikan imej yang diambil adalah dalam format JPEG SAHAJA sebelum memuat naik ke borang web.

S4: Adakah saya akan menerima balasan pemberitahuan setelah saya menghantar Penyertaan saya?

J: Mesej Terima kasih atas penyertaan anda akan ditunjukkan setelah anda berjaya menghantar penyertaan anda.

S5: Bolehkah saya menghantar lebih dari 1 penyertaan?

J: Setiap Halaman Vaksinasi HANYA layak untuk satu [1] penghantaran Penyertaan sahaja. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Imej JPEG dengan Halaman Vaksinasi yang berulang dan/atau tiada Halaman Vaksinasi yang dimuat naik.

S6: Umur layak penyertaan?

J: Kempen ini dibuka kepada semua penduduk individu Malaysia yang sah dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Kempen. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.

S7: Apakah hadiah-hadiah yang ditawarkan untuk Kempen ini?

J:

<p>Hadiah Mingguan x 2500 pemenang x 10 minggu JUMLAH: 25,000 PEMENANG</p>	
<p>Pemenang yang menetap di Semenanjung Malaysia:</p>	<p>Satu [1] Baucar LAZADA bernilai RM20 setiap satu</p>
<p>Pemenang yang menetap di Sabah:</p>	<p>Satu [1] Baucar e-Wallet Kredit BOOST bernilai RM20 setiap satu</p>
<p>Pemenang yang menetap di Sarawak:</p>	<p>Satu [1] Baucar e-Wallet Kredit Sarawak Pay bernilai RM20 setiap satu</p>

S8: Bagaimana anda menentukan Pemenang Hadiah Mingguan?

J: Jumlah nombor bersiri layak yang diperuntukkan setiap minggu sepanjang tempoh Kempen akan dibahagi dengan 2,500 [dua ribu lima ratus] untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan untuk **pemenang Hadiah Mingguan**. Nombor bersiri kemenangan akan

menjadi nombor keseluruhan yang paling hampir, yang lebih rendah dihasilkan selepas pembahagian yang dinyatakan.

S9: Saya telah menghantar Penyertaan saya tetapi tidak memenangi hadiah untuk minggu itu, adakah saya masih layak memenangi hadiah untuk minggu berikutnya?

J: YA. Nombor bersiri yang tidak dipilih dalam setiap minggu akan dibawa ke hadapan dan digabungkan dengan Penyertaan minggu-minggu berikutnya untuk berpeluang memenangi Hadiah pada minggu-minggu yang berikutnya.

S10: Berapa banyak hadiah yang boleh dimenangi peserta di sepanjang tempoh kempen ini?

J: Setiap Peserta hanya boleh memenangi satu [1] Hadiah sahaja di sepanjang Tempoh Kempen ini.

S11: Apakah tempoh-tempoh mingguan untuk kempen ini?

J: Sepuluh [10] tempoh mingguan adalah seperti di bawah:

Minggu 1: 15/07 – 21/07/2021	Minggu 2: 22/07 – 28/07/2021
Minggu 3: 29/07 – 04/08/2021	Minggu 4: 05/08 – 11/08/2021
Minggu 5: 12/08 – 18/08/2021	Minggu 6: 19/08 – 25/08/2021
Minggu 7: 26/08 – 01/09/2021	Minggu 8: 02/09 – 08/09/2021
Minggu 9: 09/09 – 15/09/2021	Minggu 10: 16/09 – 22/09/2021

S12: Bagaimana untuk mengetahui jika saya telah memenangi Hadiah?

J: Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp dari nombor: 6018 388 0802 ke nombor telefon bimbit yang diberikan dalam Borang.

Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.

Pengumuman Pemenang akan dibuat di Laman Web Penganjur

[<https://www.dearnestle.com.my/ganjaran-vaksin-nestle>] apabila tersedia. Peserta disarankan untuk memeriksa secara berkala selama tempoh kempen dan sehingga 4-6 minggu setelah Kempen berakhir.

S13: Bagaimana saya boleh menuntut hadiah saya?

J: **Semua Pemenang akan menerima Hadiah mereka dalam masa 4-6 minggu dari 22/09/2021.** Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini kerana alasan di luar kawalan Penganjur.

Bagi Pemenang yang menetap di Semenanjung Malaysia, kod PIN Baucar LAZADA bernilai RM20 akan dihantar melalui e-mel ke Alamat E-mel yang diberikan dalam Borang. Arahan mengenai cara penggunaan baucar akan disertakan bersama di dalam e-mel. Baucar Lazada hanya dapat digunakan untuk membeli produk Nestle di stor utama Nestle @ lazada - www.lazada.com.my/shop/nestle tanpa sebarang jumlah pembelian minima.

Bagi Pemenang yang menetap di Sabah, kod PIN Baucar e-Wallet Kredit BOOST bernilai RM20 akan dihantar melalui e-mel ke Alamat E-mel yang diberikan dalam Borang. Arahan mengenai cara untuk menebus kredit Boost tersebut akan disertakan bersama di dalam e-mel. Anda boleh menggunakan kredit Boost RM20 di mana-mana peniaga yang menerima kredit Boost sebagai pembayaran.

Bagi Pemenang yang menetap di Sarawak, E-Wallet Kredit Sarawak Pay bernilai RM20 akan dikreditkan ke nombor Kad Pengenalan dan nombor telefon bimbit pemenang yang diberikan dalam Borang. Anda boleh menggunakan Sarawak Pay e-wallet RM20 tersebut di mana-mana peniaga yang menerima Sarawak Pay sebagai pembayaran.

PERHATIAN: Semua Hadiah mesti diterima mengikut terma dan syarat Penganjur, penaja ejennya dan/atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah. Pemasangan aplikasi mudah alih yang diperlukan iaitu: WHATSAPP, E-MEL, APLIKASI LAZADA, APLIKASI BOOST dan APLIKASI SARAWAK PAY adalah tanggungjawab Pemenang. Penganjur berhak untuk melucutkan Hadiah jika aplikasi mudah alih yang diperlukan TIDAK dipasang oleh Pemenang. Untuk maklumat dan perincian lebih lanjut mengenai Hadiah, Pemenang disarankan untuk mengunjungi Laman Web Kempen:<https://www.dearnestle.com.my/ganjaran-vaksin-nestle>.

Semua hadiah yang tidak dituntut selepas 22/11/2021 akan dibatalkan.

S14: Siapa yang boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut?

J: Anda boleh hubungi talian Khidmat Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433 untuk sebarang bantuan yang diperlukan.
